Masa untuk menggantikan yang lama *Muka 2*

Nasi lemak beras goreng di Kota Paradesh *Muka 4*

# KOTA



PELBAGAI pilihan fabrik sama ada untuk baju atau langsir turut dijual pada harga rendah.



# Nilai 3

## Pusat sehenti persiapan raya



KAUM wanita pasti 'rambang mata' untuk memilih bunga yang mempunyai pelbagai pilihan.

Oleh SUHANA ABDUL MUTALIB
Gambar NAJEE GAEI ABDULLAH

TINGGAL kira-kira 10 hari lagi sebelum umat Islam menyambut hari raya Aidilfitri dan dalam tempoh waktu yang semakin hampir itu, kekalutan menyediakan persiapan menyambut hari lebaran itu turut terasa.

Bagi yang bekerja, kesuntukan masa jelas terasa dan menyukarkan mereka untuk berkunjung ke pelbagai tempat bagi melengkapkan persiapan masing-masing.

Untuk itu, apa kata anda berkunjung Pusat Jualan Borong Nilai 3 yang terletak di Nilai, Negeri Sembilan yang merupakan salah satu lokasi yang menjadi tumpuan untuk menyediakan persiapan raya.

Di sini, anda bukan sahaja boleh melengkapkan persiapan pakaian raya, sebaliknya semua kelengkapan rumah daripada kain langsir, sarung kusyen, cadar, permaidani, perabot dan bunga-bunga juga boleh diperoleh.

Pelbagai rekaan tempatan dan antarabangsa boleh dimiliki oleh anda pada harga yang berpatutan.

Kemeriahan pusat jualan borong ini juga bukan sahaja disebabkan harganya yang murah dan berpatutan, malah kualiti setiap barangan yang dijual juga adalah yang terbaik dan pasti memuaskan hati anda.

Tinjauan *Utusan Kota* di sini baru-baru ini mendapati orang ramai terutama umat Islam mula membanjiri pusat jualan borong ini untuk mendapatkan keperluan dan melengkapkan persiapan lebaran masing-masing.

Kaum ibu begitu sibuk memilih bunga-bungaan untuk dijadikan penyeri lebaran dan tidak ketinggalan memilih fabrik yang terbaik untuk dijadikan langsir.

Lebih menarik lagi, melalui pembelian bunga itu juga, anda juga berpeluang untuk mendapatkan gubahan percuma untuk menyerikan ruang tamu rumah anda.

Salah sebuah kedai menjual fabrik yang menjadi tumpuan pelanggan ialah Ekonomi Ramai Sdn. Bhd. yang menyediakan tekstil daripada Tangkak, Johor.

Orang ramai, terutamanya daripada Lembah Kelang kini tidak perlu lagi membazirkan wang dan masa untuk mendapatkan fabrik pilihan hati di Tangkak.

Anda sebaliknya hanya perlu mengunjungi Nilai 3 dan semua koleksi tekstil terkini yang anda idamkan ada di sini.

Harga yang ditawarkan juga berpatutan iaitu bermula dari serendah RM5.50 semeter sehinggalah RM22.90 manakala koleksi kain sepasang pula dijual dari harga RM35 sehingga RM55 sepasang.

Turut disediakan di sini ialah fabrik langsir dan koleksi cadar yang mempunyai pelbagai rekaan menarik untuk digayakan.

Tidak ketinggalan menerima kunjungan ramai ialah kedai yang menjual barangan dari China, Vietnam dan Korea.



LANGSIR dan cadar dengan pelbagai jenis untuk pilihan pembeli.



KOLEKSI perabot kayu jati yang menjadi trend masa kini turut dijual di Nilai 3.

Bagi mereka yang ingin menggayakan pakaian raya berpotongan Vietnam dengan pelbagai warna memikat, anda boleh mengunjungi kedai ini yang turut menawarkan promosi harga menarik.

Selain pakaian, koleksi beg, sarung kusyen dan tudung rekaan terkini turut dijual di sini.

Jika anda ingin menyerikan kediaman anda dengan tikar mengkuang daripada Sarawak pula, Pusat Jualan Borong Nilai 3 turut menyediakannya dalam pelbagai saiz untuk pilihan anda.

Kalau anda masih belum membuat sebarang persiapan, apa kata berkunjung ke Nilai 3 pada hujung minggu ini yang dibuka dari pukul 10 pagi hingga 10 malam setiap hari.



TIKAR Sarawak pelbagai corak juga terdapat di Nilai 3.